

LAMPIRAN 2
SEMAKAN SEMULA PREMIUM BAGI <PPR / Pelan Tunggal>
Soalan Lazim (FAQ)

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Mengapakah premium saya disemak semula?	<p>Kami memahami bahawa kenaikan premium perubatan mungkin dirasakan secara lebih ketara apabila anda semakin berumur. Bagi membantu memastikan perlindungan anda kekal mampu dimiliki serta menyokong perancangan kewangan jangka panjang anda, kami memperkenalkan struktur premium perubatan yang baharu. Bermula dari umur 60 tahun dan ke atas, premium perubatan akan diselaraskan dalam kenaikan yang lebih kecil dan lebih kerap dan bukan perubahan besar yang berlaku secara tidak kerap.</p> <p>Anda tidak perlu bimbang kerana perubahan ini tidak akan menyebabkan anda menanggung kos yang lebih tinggi. Jumlah premium perubatan bagi baki tempoh perlindungan anda di bawah struktur baharu ini tidak akan melebihi jumlah yang sepatutnya anda bayar di bawah struktur terdahulu (tidak termasuk sebarang penetapan semula kadar premium pada masa hadapan).</p> <p>Di Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, kami komited untuk memastikan anda terus mendapat akses kepada perkhidmatan perubatan yang berkualiti apabila anda memerlukannya.</p>
2.	Bagaimanakah semakan semula premium saya ditentukan?	<p>Semasa menyemak semula premium perubatan anda selepas umur 60 tahun, kami memastikan bahawa sebarang kenaikan dari tahun ke tahun adalah tidak melebihi 10%. Kami juga memastikan bahawa secara keseluruhannya jumlah premium perubatan bagi baki tempoh perlindungan anda tidak akan melebihi jumlah di bawah struktur terdahulu (tidak termasuk sebarang penetapan semula kadar premium pada masa hadapan).</p>
3.	Bilakah premium perubatan saya akan disemak semula?	<p>Jadual premium perubatan yang baharu akan berkuat kuasa pada tarikh ulang tahun polisi anda yang seterusnya seperti yang dinyatakan dalam surat pemberitahuan anda.</p>
4.	Walaupun nampaknya tiada penetapan semula bagi pelan perubatan saya pada kali ini, adakah semakan semula akan dibuat pada masa hadapan?	<p>Kami sentiasa menyemak semula pelan perubatan kami secara berkala sebagai tindak balas terhadap perubahan kos penjagaan kesihatan dan bekerjasama rapat dengan rakan hospital kami untuk menguruskan kos. Sekiranya terdapat keperluan untuk sebarang semakan semula pada masa hadapan, kami akan memaklumkan kepada anda terlebih dahulu.</p>
5.	Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya memerlukan bantuan lanjut?	<p>Sekiranya anda memerlukan bantuan lanjut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sila hubungi Talian Khidmat Pelanggan kami di 1-300-888-622 • E-mel kami di callcentre@zurich.com.my. • Sebagai alternatif, anda juga boleh menghubungi Perancang Kewangan anda; atau • Lawati cawangan Zurich Life Insurance Malaysia Berhad yang terdekat.

6. **Apakah tindakan yang perlu saya ambil bagi semakan semula premium perubatan saya?**

Bergantung pada kaedah pembayaran premium semasa anda, anda mungkin perlu membuat pengaturanan lanjut dengan pihak bank anda bagi membolehkan kami mengutip jumlah baharu tersebut. Sila rujuk jadual di bawah untuk maklumat lanjut.

Kaedah Pembayaran Semasa	Apakah tindakan yang perlu saya ambil?
Kad Kredit atau Kad Debit, Auto-Debit (Tanpa had jumlah transaksi)	Tiada perubahan diperlukan — pengaturanan pembayaran semasa anda akan diteruskan.
Debit Terus e-Mandate (Dengan had jumlah transaksi)	<p>Sila lengkapkan Pendaftaran Debit Terus melalui pautan ini: https://mya.zurich.com.my/AdhocPayment/Page/DirectDebitRegistration.aspx. Ini akan membolehkan kami mendebitkan jumlah premium baharu daripada akaun bank anda.</p> <p>Bagi pelanggan yang telah berdaftar, sekiranya had maksimum dalam borang auto debit akaun bank anda adalah lebih rendah daripada premium baharu, anda boleh mengubah had maksimum tersebut dengan cara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) log masuk ke portal pelanggan kami di https://myzurichlife.com.my atau 2) mengemukakan borang baharu kepada pihak bank untuk mengubah had maksimum.
Arahan Tetap dengan bank-bank	Bagi memastikan premium tahunan anda disalurkan dengan betul, sila buat pengaturanan dengan pihak bank anda untuk mengemas kini Arahan Tetap anda setiap tahun, dengan mengambil kira jumlah premium baharu. Kemas kini ini diperlukan setiap kali premium anda berubah.